



Penggubalan Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN) telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) pada 8 April 2022.

PTKPN ini akan digubal oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Akademi Sains Malaysia (ASM) dengan kerjasama daripada semua pemegang taruh.

Objektif PTKPN adalah untuk memastikan Malaysia selangkah ke hadapan dalam menangani isu status keadaan alam semula jadi yang semakin terancam secara holistik.

Apa itu Kesihatan Planet?

Kesihatan Planet berdasarkan kefahaman bahawa kesihatan dan tamadun manusia bergantung pada sistem semula jadi yang berkembang pesat dan pengawasan yang bijak terhadap sistem tersebut.


Kesalinghubungan di antara kesihatan alam semulajadi, haiwan dan manusia perlu dititikberatkan dalam usaha pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sejagat.

Sumber: Kertas Pertimbangan Majlis Sains Negara 1/2022 - Kesihatan Planet Ke Arah Kemakmuran Bersama

Contoh kemerosotan kesihatan planet :



Kenaikan paras air tahunan 4.22mm lebih tinggi berbanding purata global dan kenaikan suhu pada kadar 0.13-0.24°C setiap dekad sejak 46 tahun yang lalu.



75% daripada penyakit baru muncul yang dikenalpasti adalah penyakit zoonotik atau bawaan haiwan (Nipah, MERS, COVID-19). Gangguan biodiversiti yang berterusan akan meningkatkan risiko bagi kemunculan penyakit zoonotik berkaitan.




Kos bagi menyara kebajikan kematian pramatang disebabkan pencemaran alam sekitar dan risiko persekitaran mencecah RM 947.2 billion.

Sumber: Science Outlook 2020, TropSci 2021 dan Kertas Strategik Precision Biodiversity

Bagaimana menjaga kesihatan planet?



Memupuk kesedaran kelestarian alam sekitar melalui pendidikan kesihatan planet untuk semua




Memastikan keseimbangan pembangunan negara secara mampan dan pemuliharaan alam semulajadi



Tadbir urus sumber alam semulajadi yang lebih cekap



Memperkasakan peraturan dan piawaian alam sekitar



Peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Kesihatan Planet



Menggalakkan 'zero waste' dan kitar semula



Memelihara sistem iklim global dan memupuk amalan penggunaan tenaga rendah karbon

Sumber: Analisa ASM, 2022.
*Senarai ini tidak menyeluruh



ASM menjemput semua pemegang taruh daripada sektor awam, industri, akademik, dan Badan Bukan Kerajaan (NGOs) / community-based organisations (CBOs) untuk bersama memberikan input bagi menggubal PTKPN yang dipacu sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE).



Sebarang maklum balas atau input boleh dihantar ke alamat e-mel planetaryhealth@akademisains.gov.my